Publication: Berita Harian, pg 09

Date: 29 July 2020

Headline: 'Computer expert' excited to promote Malay culture

## 'Pakar komputer' kini ghairah semarakkan seni Melayu

SITI AISYAH NORDIN

FITI AISYAH NORDIN
naisyah@sph.com.sg

KESUNGGUHAN serta daya tahan
yang dipaparkan pelajar yang kurang bernasib baik di Guizhou, China, menyentuh
hatt Cik Hani 'Aiman Mohamed Ishak.
Walaupun tanpa struktur sekolah atau
sumber pelajaran yang canggih, kanakkanak berusia tiga hingga lima tahun itu
tetap teruja untuk ke sekolah dan menimba pengetahuan baru.
Cik Hani, 24 tahun, telah ke kawasan
pedalaman di China itu untuk melakukan
kerja-kerja kemasyarakatan melalui projek anjuran Universiti Pengurusan Singapura (SMU).
Beliau telah ke sana semasa tahun pertama dan tahun kedua pembelajaran beliau di SMU, dan sebagai mahasiswa jurusan Sistem Maklumat, Cik Hani telah
berkongsi kepakaran menggunakan komputer dengan guru-guru di sana.
Projek tersebut disertai sekitar 20 pelajar SMU, dan mereka juga telah mengajar
kanak-kanak di sana bahasa Inggeris.
"Kawasannya terletak di pedalaman
dan kanak-kanak di sana ada kala akan ke
sekolah, ada kalanya tidak.
"Tapi bila saya lihat ketinginan dan kesungguhan mereka untuk belajar, saya ama
tersentuh.
"Terutama sekali apabila mereka ingat
apa yang kita ajarkan dan gunakan pengetahuan itu, baik kanak-kanak mahupun
guru-guru di sana," jujarnya.
Menurut Cik Hani, pengalamannya
berkhidmat di Guizhou, di mana ramai
penduduk Muslim, membuat beliau lebih
menghargai betapa mudah mendapatkan
pendidikan di Singapura.
"Biasanya, kerja-kerja berkhidmat kejada mayayarakat ini bukan hanya untuk
manfaat mereka yang menerima bantuan,
tetapi igua untuk diri kita
uga 'dibantu'
untuk lebih menghargai apa yang kita
ada," katanya.
Cik Hanii berkata suasana kehidupan
isana memang seperti di kampung dan

untus teoin menghargai apa yang kita ada," katanya. Cik Hani berkata suasana kehidupan di sana memang seperti di kampung dan para sukarelawan dan pelajar terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan terse-but.

but. Pengalaman di sana turut mengajar be-liau untuk bertindak dalam keadaan yang tidak menentu dan ini kebolehan yang penting, terutama sekali dalam suasana pandemik seperti sekarang, katanya. Selain pengalaman di China, Cik Hani



INGIN NAIKKAN SENI MELAYU: Selain pengalamannya di China yang meninggalkan kesan yang mendalam terhadap dirinya, Cik Hani (depan) juga aktif dalam kumpulan perkusi SMU, Rentak. Katanya, beliau ingin terus melestarikan seni budaya Melayu. — Foto ihsan HANI 'AIMAN

berkata masa beliau di SMU juga dipenu-hi aktiviti lain yang memberikannya pen-galaman yang lebih meluas. Antaranya, beliau turut aktif dalam kumpulan perkusi Melayu universitinya yang dipanggil Rentak. Kata Cik Hani, beliau ingin menyum-bang kembali kepada masyarakat melalui bidang seni.

bang kemban kepada masyarakat melalubidang seni.

"Pada pendapat saya, golongan belia kurang mengetahui dan untuk itu kurang menghargai seni Melayu, begitu juga dengan bahasanya.

gan bahasanya.

"Jadi saya rasa mendidik atau sebar-kan seni budaya kita kepada orang lain ju-ga penting," ujarnya.

Antara usaha beliau adalah dengan ber-

giat aktif dalam kumpulan tersebut, katanya, dan melalui persembahan yang dilakukan lebih ramai yang akan tahu tentang sei perkusi Melayu.

"Kami tidak ingin budaya ini hilang,
kerana sekarang ini bila orang fikir tentang perkusi ramai yang akan fikir tentang instrumen Afrika.

"Kami ingin sebarkan yang instrumen
perkusi Melayu ini tak terhad kepada kompang sahaja," katanya.

Walaupun kini sudah pun menamatkan pengajiannya di SMU, beliau masih
aktif dengan kumpulan Rentak dan menyertai persembahan-persembahan yang
mereka lakukan.
Selain persembahan, mereka juga

menggunakan media sosial untuk sebar-kan tentang tradisi tersebut.
"Saya rancang untuk terus kekal proak-tif dan melibatkan diri dalam aktiviti-ak-tiviti masyarakat kita," katanya yang kini bekerja sebagai penolong pengarah di agensi pemerintah.
Cik Hani, yang sebelum ini menuntut di Madrasah Al-Maarif Al-Islamiah, berka-

"Kami ingin sebarkan yang instrumen rakusi Melayu ini tak terhad kepada kopang sahaja," katanya.
Walaupun kini sudah pun menamatan pengajiannya di SMU, beliau masih titi dengan kumpulan Rentak dan menyatai persembahan-persembahan yang ereka lakukan.
Selain persembahan, mereka juga

Saya rancang untuk terus kekal proaktif dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti masyarakat kita.

... Satu perkara yang mendorong saya untuk terus menyumbang dan melakukan yang terbaik adalah apabila saya memikirkan bahawa saya adalah contoh anggota masyarakat Melayu/Islam.

Untuk itu saya ingin menghapuskan stereotaip-stereotaip yang ada.

– Cik Hani 'Aiman Mohamed Ishak.